

Anugerah Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Oleh PDD

Ahad, 28 April 2019 11:57 - Terakhir Diupdate Ahad, 28 April 2019 16:08

20 FEBRUARI 2019- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) telah menambah baik pelaksanaan Amalan 5S dengan menjenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Selaras dengan perkara ini, Pejabat Daerah Dungun telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan pensijilan EKSA daripada MAMPU.



Majlis Penyerahan Sijil EKSA telah diadakan pada 20 Febuari 2019 di Dewan Besar, Wisma Darul Iman, dan penyampaian Sijil EKSA kepada Tuan Haji Rosdi bin Awang, Pegawai Daerah Dungun disampaikan oleh YB. Dato' Haji A.Rahman bin Yahya, Setiausaha Kerajaan Terengganu.